

RUU Kualiti Alam Sekeliling, dijangka dibenteng tahun depan

Latifah Arifin
am@hmetro.com.my



WAN Abdul Latiff ketika berucap pada sesi Libat Urus Media. FOTO Amirudin Sahib

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan 2023) dijangkadibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat suku pertama tahun depan.

RUU berkenaan yang sepatutnya dibentangkan di Parlimen hari ini akan menambah baik akta sedia ada terutama dari segi hukuman membabitkan kes jenayah alam sekitar.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata selain jumlah denda yang lebih tinggi, jumlah kompaun bagi kes membabitkan tindakan mahkamah akan turut dinaikkan.

"Pertama sekali yang akan dipinda berkaitan hukuman bila kes dibawa ke mahkamah iaitu (mengenakan hukuman) lebih tinggi, begitu juga untuk kes boleh dikompaun.

"Misalnya bagi kes yang teruk, pencemaran sungai dan pelupusan haram buangan toksik berbahaya, dendanya dipinda sehingga RM10 juta, berbanding RM100,000 (ketika ini).

"Ini termasuk kes henti tugas loji rawatan air disebabkan pencemaran sungai, hukuman sekarang boleh dikenakan sehingga maksimum RM100,000 atau lima tahun penjara atau keduanya sekali. Tetapi dalam pindaan ini kita syorkan sehingga RM10 juta dan hukuman penjara adalah mandatori tidak melebihi lima tahun," katanya.

Beliau ditemui pada Sesi Libat Urus Media Bersama Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar Mashitah Darus dan Pengarah Komunikasi Strategiknya, Azuri Azizah Saedon.

Justeru, beliau berharap pindaan akta itu akan dapat dibentangkan secepat mungkin, selewat-lewatnya suku pertama tahun depan.

Mengulas lanjut, katanya, melalui pindaan itu, kes pembakaran terbuka juga dapat ditangani secara lebih berkesan, apabila kadar kompaun semasa dinaikkan.

"Bagi kes pembakaran terbuka, kita hanya boleh kompaun, RM2,000, tetapi ini kita nak naikkan sehingga RM500,000.

"Sudah sampai masanya, penjenayah alam sekitar dapat hukuman setimpal. Setakat RM2,000 mereka tak ada masalah nak bayar, jadi diharapkan dengan denda yang tinggi ini dapat menimbulkan kesedaran untuk tidak melakukan kesalahan berkenaan," katanya.